

Silat berkembang pesat di Barat

Di Sepanyol sahaja, terdapat 2,800

pesilat dalam 22 kelab

SEBELUM mempelajari pencak silat, para peserta daripada negara-negara Barat kebanyakannya pernah menguasai ilmu mempertahankan diri seperti karate, taekwando, judo atau kung-fu.

Tetapi setelah melihat sendiri keindahan dan kekemasan gerak silat yang ditunjukkan oleh guru-guru daripada Indonesia, mereka terus jatuh cinta lantas mempelajarinya dengan penuh semangat dan dedikasi.

Semua pesilat Barat yang ditemui dalam Kejuaraan Silat Sedunia Keempat yang berlangsung di Kuala Lumpur dari 2 hingga 9 Disember lalu, mengaku bahawa silat telah banyak memberikan kepuasan dan sebahagiannya telah merubah cara kehidupan mereka.

Juan I. Barreneta Sagardui, guru silat dari Sepanyol yang telah mengajar pencak silat sejak lapan tahun yang lalu, menifatkan ilmu silat sebagai satu keperluan yang mesti untuk semua lelaki.

Juan, 29 tahun, yang pernah menguasai seni bela diri karate dan judo tetapi kini mengamalkan silat aliran Harimau Minangkabau, berkata: "Berbeza dengan seni bela diri yang lain, silat lebih lengkap untuk kedua jasmani dan rohani — ilmu yang boleh digunakan untuk kehidupan seharian.

"Teknik pergerakannya juga menyeluruh tetapi penuh berseni," tambahnya.

Sejak berusia sembilan tahun, Juan telah diperkenalkan pada seni silat menerusi de-trasi seorang guru daripada Indonesia, Adyto Hanafi, beliau berkunjung ke Pe-

nyon al-an tidak habis di sikerana seterusnya dapat bimbingan silat dari Guru Gati daripada Guru muda itu telah era untuk me-lami ilmu ter-

u di dada, as silat di uruteraan di am 1979. Kini Sepa-

AGAK aneh melihatkan orang-orang Barat berpencak silat. Tetapi yang nyata, silat semakin pesat berkembang di negara-negara Eropah dan Amerika Syarikat.

Dalam Kejuaraan Silat Sedunia Keempat yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini, sebanyak 19 negara telah bertanding. Ini termasuk negara-negara Barat seperti Jerman Barat, Turki, Perancis, Yugoslavia, Sepanyol, Belanda, Amerika Syarikat dan Surinam, di samping negara-negara Nusantara sendiri.

Rencana oleh HANIM MOHD SALEH, yang mengikuti kejuaraan tersebut, meninjau perkembangan silat di negara-negara Barat.

12 DEC 1987



BARBARA BARNES: Silat diterima di Amerika kerana ia agak unik



JUAN SAGARDUI: Silat lengkap bagi kedua-dua jasmani dan rohani

nyon mempunyai 2,800 pesilat yang menuntut dalam 22 kelab merata negara.

Peserta Sepanyol telah membawa pulang sebutir pingat emas, dua perak dan beberapa gangsa, sementara pesilat Sepanyol Koldouz Mendi pula dipilih sebagai Pesilat Harapan.

Perkembangan pencak silat di seluruh dunia dapat dikesan sejak Kejuaraan Silat yang pertama di Indonesia dalam 1982. Mulanya, hanya 11 negara yang turut serta, tetapi dalam kejuaraan kedua dalam 1984 di negeri yang sama dan ketiga di Vienna, Austria tahun lalu, jumlah penyertaan bertambah kepada 15 negara.

Tahun ini, empat buah negara baru — Yugoslavia, Perancis, Amerika Syarikat dan

Sepanyol — ikut serta.

Ilmu pencak silat yang sering dikaitkan dengan ajaran Islam, telah memikat peserta daripada Perancis, Mariel Kavos, yang telah banyak menuntut ilmu silat daripada Guru Muhamad Raban daripada Indonesia sejak dua tahun lalu.

Katanya: "Dulu, saya tidak punya pegangan hidup. Segalanya kosong belaka. Guru saya sering memperkatakan tentang Islam. Semasa bersilat pun, dia mengamalkan ajaran agama.

"Saya semakin tertarik dengan Islam. Tetapi, saya perlu mendalaminya sebelum saya memeluk agama ini. Biarlah saya pelajari peringkat demi peringkat hingga saya benar-benar yakin."

Mariel, 26 tahun, meminati